



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### **MOSTI MELANCARKAN PLATFORM MYSTARTUP SEBAGAI TETINGKAP TUNGGAL (SINGLE WINDOW) EKOSISTEM STARTUP MALAYSIA**

---

**KUALA LUMPUR, 23 April 2024** – Dalam usaha untuk mengemudi landskap syarikat pemula (*startup*) di Malaysia dan menggalakkan pertumbuhan ekosistem yang ‘*scalable*’, inklusif dan mampan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensinya, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) melancarkan platform MYStartup sebagai Tetingkap Tunggal (*Single Window*) bagi ekosistem *startup* di Malaysia. Platform itu dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI) dan akan berfungsi sebagai platform sehenti yang menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam ekosistem *startup* di negara ini.

MYStartup *Single Window* direka untuk memupuk kerjasama, inovasi dan jangkauan global, menawarkan maklumat yang teratur kepada pengasas, pelabur dan bakat teknologi seperti;

- a) pencerahan dan sumber maklumat mengenai permulaan dan perkembangan *startup*;
- b) pangkalan data menyeluruh tentang semua *startup* di Malaysia dan firma modal teroka, mengandungi maklumat penting tentang pembiayaan, butiran perniagaan dan status pengumpulan dana aktif yang dikemaskini secara berkala; dan
- c) MYStartup AI: pertanyaan berkaitan ekosistem *startup* Malaysia. Ciri-ciri baharu ini membolehkan proses lancar dan teratur yang memantapkan kecekapan dan keberkesanan serta mengurangkan birokrasi.

Dalam ucapan perasmian YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, beliau menegaskan komitmen Kerajaan untuk memupuk perniagaan yang lancar di mana setiap usahawan *startup* boleh berkembang dan berdaya saing.

"*Startup* di Malaysia bukan hanya sekadar angka, ekosistem ini akan terus berkembang dengan hampir 4,000 *startup* yang merupakan nadi inovasi dengan penilaian keseluruhan melebihi USD5 bilion sehingga kini. Oleh itu, pelancaran platform MYStartup sebagai *Single Window* merupakan asas penting dalam perancangan strategik bagi mendorong Malaysia terus maju ke hadapan dan menjadikan negara ini salah sebuah ekosistem *startup* terbaik dunia. Platform ini dilengkapi dengan teknologi AI dan akses yang lancar kepada pelbagai data tentang *startup*, pencerahan dan analisis, serta sumber yang menyokong perkembangan *startup*," kata YB Tuan Chang Lih Kang.

Pada tahun 2021, MOSTI melancarkan Pelan Hala Tuju Ekosistem *Startup* Malaysia (SUPER) 2021-2030 untuk memartabatkan Malaysia sebagai salah satu ekosistem *startup* terbaik dunia menjelang tahun 2030, menyasarkan 5,000 *startup* yang mampu berdaya saing menjelang tahun 2025.

"MYStartup telah memupuk pertumbuhan ini dengan baik. Jumlah kapital yang terkumpul dari 2019 hingga 2024 adalah sebanyak USD1.6 bilion, dengan 438 perjanjian dibuat. Aspirasi Kerajaan adalah untuk MYStartup menjadi platform pilihan yang akan memanfaatkan setiap pemegang taruh dalam ekosistem dan berfungsi sebagai gerbang utama kepada persekitaran *startup* yang dinamik dan berkembang maju di Malaysia," tambah YB Tuan Chang Lih Kang.

Sementara itu, Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle menyatakan semangat optimis beliau terhadap pelancaran platform ini: "Visi kami di Cradle kekal jelas iaitu untuk memperkasakan *startup* di Malaysia melalui penyediaan bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh usahawan *startup* di peringkat awal mereka. Sejak tahun 2021, kami telah memupuk ekosistem ini melalui MYStartup, menerajui pelbagai program pembinaan kapasiti dan menghubungkan pemain ekosistem menerusi portal kami."

"Sejak penubuhan MYStartup, peranan kami juga berkembang daripada menyediakan pembiayaan dan bimbingan kepada agensi fokus untuk seluruh ekosistem *startup* di negara ini seiring dengan aspirasi Kerajaan Malaysia. Hari ini, kami membangun dan menaik taraf status

portal MYStartup sebagai *Single Window*, sebuah platform yang menyatukan pengasas, pelabur, bakat teknologi, agensi Kerajaan dan pemain ekosistem, menyediakan data yang komprehensif, pencerahan dan sumber untuk memula dan memperkembangkan perniagaan dalam ekosistem *startup* di Malaysia. MYStartup ialah satu usaha kolektif oleh semua pihak pemegang taruh dalam ekosistem *startup* yang bakal melonjakkan Malaysia secara keseluruhan," tambah beliau.

MYStartup *Single Window* dilancarkan pada hari ini sempena KL20 Summit 2024 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Acara dua (2) hari itu dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir bersama di pelancaran MYStartup termasuk YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) dan YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi. Lebih daripada 4,000 peserta telah hadir terdiri daripada pelabur tempatan dan antarabangsa serta *startup*.

Sejak pelancarannya pada tahun 2022, portal MYStartup telah berjaya menarik lebih daripada 140,000 pengunjung dari seluruh dunia. Jumlah pengguna berdaftar MYStartup mencecah hampir 7,000, serta telah menghubungkan hampir 4,000 *startup*.

Untuk matlumat lanjut mengenai platform MYStartup, layari [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

## TAMAT

Disediakan oleh

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**23 April 2024**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Elmy Fairuz Azmi**  
PR & Media  
Komunikasi Strategik  
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)  
[elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my)  
+6012-271 3457

**Kit Media**